

Lebih 50 kubur ghaib

Penduduk bimbang hakisan tanah makin teruk menjelang musim tengkujuh

NOOR HAYATI MAMAT

HULU TERENGGANU - Biarpun tidak terlibat banjir, namun ketibaan musim tengkujuh turut mengundang kebimbangan kepada penduduk Kampung Imam Lapar di sini, kerana hujan lebat bakal menyebabkan hakisan di kawasan tanah perkuburan menjadi semakin serius.

Masalah itu bagaikan tiada penghujung kerana sudah berlanjutan lebih lima tahun dan paling menyedihkan sepanjang tempoh itu, lebih 50 kubur 'ghaib' dibawa arus Sungai Telemong, manakala ada penduduk pula hanya memiliki geran tanah, sedangkan kebun mereka sudah tiada.

Sinar Harian pada 23 Januari lalu pernah melaporkan masalah sama dan kebimbangan penduduk terhadap kebun mereka yang berisiko hilang berikutan hakisan tebing sungai semakin serius akibat gelombang banjir musim lalu namun masalah itu masih tidak diselesaikan.

Malah seorang ibu tunggal, Sapiyah Sunan, 57, nekad memindahkan kubur Allahyarham suaminya ke tempat lebih selamat kerana tidak mahu ia dihanyutkan arus sungai.

Sungai makin lebar

Timbalan Ketua Umno Cawangan Kampung Iman Lapar, Deraman Ismail berkata, masalah itu kembali menyelubungi penduduk kerana musim tengkujuh telah tiba dan



SEMEK

bakal menyebabkan lebih banyak lagi kubur terhakis.

Menurutnya, hujan lebat belakangan ini menyebabkan berlakunya sedikit hakisan baharu, namun tidak melibatkan kubur.

"Bagaimanapun, terdapat kira-kira 10 kubur berisiko tinggi mengalami nasib sama pada musim tengkujuh kali ini.

"Sehingga kini sudah lebih 50 kubur dihanyutkan Sungai Telemong. Jika hujan lebat pasti akan berlaku lagi hakisan, malah lebar sungai yang dahulunya hanya kira-kira 15 meter kini menjangkau lebih 30 meter," katanya.

Deraman berkata, hakisan bukan sahaja berlaku di kawasan tanah perkuburan, malah membabitkan tanah kebun penduduk.

Beliau berkata, masalah berkena-

Kebun milik penduduk juga 'hilang' sedikit demi sedikit akibat masalah hakisan.

an sudah dalam pengetahuan pihak berkaitan, tetapi malangnya masih tiada tindakan.

Katanya, sekiranya ia terus dibiarkan, tidak mustahil tanah perkuburan di situ hanya tinggal nama.

"Cadangan menyediakan tapak baharu memang ada melibatkan tanah milik individu. Jaraknya berhampiran kawasan kubur sedia ada, tapi jika masalah hakisan tidak diselesaikan, tapak baharu juga bakal mengalami nasib sama," katanya.

Boleh dengar bunyi runtunan

Warga emas, Semek Salleh, 74, berkata, walaupun kubur ahli keluarganya masih selamat, namun hatinya sentiasa diselubungi kebimbangan.

Menurutnya, jarak rumahnya de-



Puluhan kubur, kebun bakal ghaib

Laporan *Sinar Harian* 23 Januari lalu.

ngan tanah perkuburan itu tidak jauh menyebabkan dia boleh mendengar arus deras sungai dari rumahnya.

"Bunyi runtunan tanah juga makcik boleh dengar dengan jelas dan hanya ALLAH SWT tahu perasaan berdebar makcik ketika itu.

"Dengar bunyi macam itu, mak-


cik sudah dapat agak ada kubur yang dihanyutkan arus sungai. Musim tengkujuh kali ini, makcik tak tahu berapa banyak pula kubur akan 'ghaib,'" katanya.

Semek berkata, keadaan itu pastinya menyedihkan waris.

"Jika tiada tindakan untuk mengatasinya, lebih ramai lagi akan kehilangan kubur ahli keluarga mereka," katanya.



Deraman menunjukkan salah satu kubur yang berisiko dihanyutkan arus sungai pada musim tengkujuh kali ini akibat hakisan tebing Sungai Telemong di Kampung Imam Lapar.



INFO GRAFIK:

HAKISAN SUNGAI TELEMONG DI KAMPUNG IMAM LAPAR

ILUSTRASI: SINAR HARIAN
OLEH: AIMA HASHIM